# Murung, pendiam tanda gangguan seksual



AMBIL tindakan segera jika anak anda berubah murung dan gemar bersendiri.

TERDAPAT beberapa tanda yang boleh diperhatikan ibu bapa atau penjaga untuk mengesan jika anak mengalami gangguan seksual.

Tanda itu ialah apabila mangsa tiba-tiba kemurungan, tekanan dan tingkah laku abnormal seperti mudah hilang fokus, terlalu pendiam dan menjauhkan diri daripada orang sekeliling.



ROJANAH KAHAR

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Rojanah Kahar berkata, mangsa dera biasanya mengambil masa yang lama untuk sembuh.

Sekiranya tiada sokongan sosial atau rawatan psikologi, ia boleh menjejaskan kehidupan kanak-kanak.

"Kesan penderaan juga akan menjejaskan pertumbuhan fizikal dan kesejahteraan mental kanak-kanak.

"Antaranya, hilang keyakinan diri, tidak percaya dengan orang lain, timbul rasa malu dan hina di samping marah," katanya.